

## **PENUTUPAN SMART LANE DI ANTARA BANDAR SAUJANA PUTRA - PUTRA HEIGHTS (ARAH UTARA) DI KM15.9 HINGGA KM13.9, LEBUHRAYA ELITE BAGI KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN**

**Petaling Jaya, 3 Julai 2026:-** Sebagai sebahagian daripada usaha menambah baik infrastruktur dan keselamatan pengguna lebuh raya serta memberi laluan kepada pelaksanaan kerja-kerja penyelenggaraan di KM14.4 Lebuhraya Utara-Selatan Hubungan Tengah (ELITE), laluan Smart Lane dari Bandar Saujana Putra - Putra Heights (Arah Utara) di KM15.9 hingga KM13.9, akan ditutup sementara kira-kira lima (5) bulan mulai 6 Julai 2026 sehingga 3 Disember 2026.

Sepanjang tempoh kerja-kerja tersebut dijalankan, tiga lorong sedia ada di laluan terlibat dibuka seperti biasa bagi mengekalkan aliran trafik sedia ada dan meminimumkan gangguan trafik kepada pengguna lebuh raya.

Pengguna lebuh raya disarankan supaya merancang perjalanan mereka dengan menggunakan aplikasi PLUS bagi mendapatkan maklumat trafik terkini. Pengguna juga diingatkan supaya mematuhi semua papan tanda dan arahan yang dikeluarkan oleh petugas PLUS ketika melalui kawasan kerja-kerja pembinaan tersebut.

Untuk mendapatkan maklumat trafik, pengguna boleh merujuk kepada Pembantu Maya - PUTRI, aplikasi X@plustrafik atau paparan mesej elektronik (VMS) di lokasi-lokasi terpilih atau menghubungi talian PLUSLine di 1800-88-0000 sekiranya berlaku kecemasan.

PLUS menghargai kesabaran dan kerjasama semua pengguna lebuh raya sepanjang tempoh pelaksanaan kerja-kerja ini dijalankan demi keselamatan, keselesaan dan kemudahan semua.

-TAMAT-

### **PERTANYAAN MEDIA:**

Mashitah Mohd Arshad Pemangku Ketua Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon: 013-209 7092 Emel: mashitah@plus.com.my	Rofina Adam Pengurus Komunikasi Korporat PLUS Malaysia Berhad Telefon: 012-657 4452 Emel: rofina@plus.com.my
--	---